PERLAKSANAAN SISTEM PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA: PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG

Zulkifli Hasan*

ABSTRAK

Sesungguhnya Islam menjamin ketamadunan yang agung dengan bersaksikan kehebatan tamadun Islam sejak di zaman Rasulullah Sallallahualaihiwasallam hingga zaman keagungan Islam semasa pemerintahan Umayyah, Abbasiyah dan juga kerajaan Turki Uthmaniyah khususnya di dalam sektor ekonomi dan perbankan Islam. Malaysia adalah di antara negara yang telah mengambil inisiatif untuk mengembalikan kekuatan ekonomi Islam ini melalui pendekatannya tersendiri. Pendekatan ini merangkumi perlaksanaan menyeluruh dan komperehensif dalam aspek undang-undang sivil dan syariah yang berperingkat serta strategi pengawalseliaan dan pembangunan modal insan dengan mengambilkira semua faktor dalaman dan luaran di dalam sistem perbankan negara. Hingga kini, formula ini telah dibuktikan berjaya dan kesannya Malaysia mampu untuk menjadi pusat perbankan Islam dunia pada satu hari nanti selaras dengan wawasan 2020 yang menjadi aspirasi Malaysia.

1.0 PENGENALAN.

Malaysia telahpun diiktiraf sebagai negara perdagangan ke-18 terbesar di dunia dan dihormati sebagai model negara Islam dan membangun yang dianggap progresif dan berjaya. Dunia sudah sedia maklum bahawa Malaysia beraspirasi untuk menjadi “Pusat Perbankan Islam Dunia”. Di dalam merealisasikan aspirasi itu Malaysia telah memilih untuk melaksanakan “dual banking system” iaitu sistem perbankan Islam sebagai alternatif kepada sistem perbankan sedia ada di negara kita dan juga pendekatan kaedah harmonisasi undang-undang syariah dan sivil di dalam sistem perbankan Islam. Kemudahan infrastruktur undang-undang yang lengkap dan menyeluruh dalam sektor perbankan, pasaran modal, sekuriti dan sebagainya menjadi faktor penting kepada kepesatan perkembangan industri perbankan Islam di Malaysia.

Sistem perbankan Islam telah mendapat tempat di Malaysia sejak 1983 lagi, apabila tertubuhnya Bank Islam Malaysia Berhad sebuah bank Islam pertama di Malaysia. Berdasarkan hampir 24 tahun usia sistem perbankan Islam di Malaysia, kini terdapat 9 Bank Islam tempatan (7 SPI telah diberikan lessen untuk beroperasi di bawah ABI

* Ketua Program Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

1983) dan 3 Bank Islam asing diberi lesen untuk beroperasi iaitu Kuwait Finance House, Saudi Arabia’s Al Rajhi Banking and Investment Corporation dan Konsortium Qatar Islamic Bank Al Rajhi di samping bank konvensional yang juga menawarkan skim perbankan Islam. Dijangkakan bilangan ini akan bertambah dari masa ke semasa berdasarkan polisi keterbukaan Bank Negara Malaysia yang diamalkan ketika ini.

Pada 2002 sahaja saham aset perbankan Islam mencecah 8.9% daripada total aset bank berjumlah RM68 billion[1] dan pada tahun 2004 ia mencapai ke RM89 billion bersamaan 9.9% daripada total aset bank dan pada Mei 2005 asset perbankan Islam telah mencecah RM113.5 billion[2]. Industri perbankan Islam juga telah menjadi penyumbang besar kepada perkembangan keseluruhan ekonomi negara iaitu hampir 25% daripada keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar.

Pencapaian di dalam sektor perbankan Islam di atas bukanlah dicapai dengan mudah malahan ianya pasti memerlukan perancangan yang teliti dan penuh berhikmah. Peningkatan yang begitu memberangsangkan ini dapat direalisasikan melalui pendekatan yang menyeluruh sama ada dari aspek polisi perbankan dan juga perlaksanaan undang-undang yang efektif.

2.0 PERLAKSANAAN SISTEM PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA

Malaysia merupakan negara pertama yang memperkenalkan sistem perbankan Islam di Asia Tenggara. Selaras dengan perkembangannya yang pesat dan memberangsangkan pelbagai perancangan dan usaha telah dilaksanakan. Perlaksanaan sistem perbankan Islam di Malaysia bergerak seiring dengan sektor yang lain melalui beberapa pendekatan yang boleh dirumuskan seperti berikut:-

2.1 Pendekatan Sistem Dwi Perbankan

---

[1] t.n. 15 Oktober 2004. *Al Rajhi, Qatar-led group get Islamic banking licenses*. New Straits Times. Hlm. B1.

[2] Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz. *Ucapan Gabenor Bank Negara Malaysia Di Pelancaran AmIslamic Bank Berhad.* Menara AmBank, Kuala Lumpur pada 18 Mei 2006.

Merujuk kepada senario perlaksanaan sistem perbankan di dunia, dapat disimpulkan bahawa terdapat empat pendekatan yang diamalkan. Pertama, negara yang mengamalkan sistem perbankan Islam sahaja dan memansuhkan sistem perbankan konvensional seperti Iran, Pakistan and Sudan. Kedua, negara yang mempraktiskan sistem perbankan konvensional sahaja, ketiga, negara yang melaksanakan sistem konvensional dan membenarkan penawaran produk berteraskan prinsip Islam melalui kaunter perbankan Islam (Islamic Window) dan keempat, negara yang melaksanakan sistem perbankan Islam dan di dalam masa yang sama membenarkan operasi sistem perbankan konvensional yang diamalkan oleh Malaysia.

Keberkesanan pendekatan perlaksanaan dua sistem perbankan ini dapat dilihat melalui perkembangan industri perbankan Islam yang begitu pesat terhadap negara yang mengamalkan sistem ini. Malaysia umpamanya telah menjadi rujukan banyak negara berdasarkan kepesatan perkembangan sektor perbankan Islamnya. Pendekatan ini telah melahirkan persaingan yang sihat di mana masyarakat dapat melihat kelebihan dan keindahan sistem perbankan Islam secara terus. Sebagai contoh industri perbankan Islam di Malaysia berkembang pada kadar 10 hingga 15 peratus setahun manakala sebaliknya, sektor perbankan konvensional yang diwakili oleh bank-bank yang sama saiznya menyaksikan deposit purata tahunan mengembang lima peratus, ekuiti enam peratus, pelaburan empat peratus dan aset enam peratus[3]. Malahan semasa kegawatan ekonomi yang melanda Asia pada tahun 1997 dan 1998 sektor perbankan Islam di Malaysia terus berkembang sedangkan bank-bank konvensional mencatatkan pertumbuhan negatif. Senario ini membolehkan masyarakat dapat melihat kelebihan sistem perbankan Islam berbanding sistem bank konvensional yang terdedah kepada pelbagai risiko yang sukar untuk ditangani.

Senario yang berlainan pula berlaku kepada beberapa negara yang telah memansuhkan sistem perbankan konvensional dan mengamalkan sistem perbankan Islam secara total di mana negara ini telah mengalami ketidakstabilan ekonomi yang begitu meruncing pada sesuatu masa. Namun demikian, perlu diingat bahawa ketidakstabilan ini bukanlah disebabkan oleh sistem perbankan Islam itu sendiri tetapi

---

[3] t.n. 13 Jun 2005. *Perbankan Islam Alternatif Berdaya Maju.* Utusan Malaysia. Hlm 4.

berdasarkan faktor-faktor luar seperti ketidaksediaan infrastruktur institusi perbankan secara menyeluruh dan faktor sistem perbankan Islam yang masih diperingkat permulaan dan pengukuhan berbanding sistem konvensional yang telah lama bertapak dan diamalkan oleh hampir semua negara di dunia.

Oleh itu, pendekatan perlaksanaan sistem perbankan Islam secara berperingkat dan sederhana merupakan kaedah yang paling sesuai dan berhikmah ketika ini dalam proses pengukuhan ekonomi secara seimbang dan komperehensif. Sesuai dengan firman Allah *Subhanahu Wataala* di dalam *surah al-Nahl* ayat 125: "*Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik*". Inilah *siyasah* kehidupan di dunia yang diperkatakan oleh Imam Al-Mawardi yang menyuruh umat Islam agar menjalani kehidupan di dunia dengan selesa dan dalam masa yang sama tidak melupakan hari akhirat.

2.2 Ruanglingkup Undang-undang

Merujuk kepada ruang lingkup tanggungjawab institusi perbankan Islam, mereka ini tidak boleh lari daripada undang-undang sivil mahupun hukum syarak. Institusi perbankan Islam di Malaysia bukan sahaja perlu mematuhi undang-undang syariah malahan dikehendaki juga untuk mematuhi undang –undang sivil yang berkaitan, undang-undang prosedur di mahkamah sivil dan juga Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Berdasarkan faktor inilah satu pendekatan berhikmah perlu dilaksanakan bagi memastikan kelancaran perjalanan pembangunan sistem perbankan Islam di Malaysia. Oleh itu pelbagai usaha telah dibuat dan di antaranya ialah melalui proses integrasi atau harmonisasi undang-undang syariah dan sivil.

Harmonisasi undang-undang syariah dan sivil bukanlah bermaksud menggabungkan dua sistem undang-undang ini tanpa mengambil kira ketelusan dan prinsip-prinsip syariah yang menjadi teras kepada sistem perbankan Islam. Proses harmonisasi ini merujuk kepada perlaksanaan undang-undang sivil berkaitan perbankan yang tidak bertentangan dengan undang-undang syariah di dalam operasi perbankan. Ini bermakna undang-undang sivil sedia ada seperti Akta Kontrak 1950 dan Akta Jualan

Barangan 1957 adalah bertepatan dengan kehendak-kehendak syarak dan boleh diintegrasikan bagi memantapkan lagi infrastruktur undang-undang berkaitan sistem perbankan Islam.

Proses integrasi ini mengambil kira faktor kesesuaian prinsip-prinsip syariah dengan undang-undang sivil sedia ada. Dari segi aspek syariah, Akta Bank Islam 1983 atau Akta Bank dan Institusi Perbankan 1989 tidak memberi peruntukan yang jelas mengenai definisinya. Analisa secara umumnya ialah institusi perbankan Islam boleh melaksanakan apa sahaja perniagaan berlandaskan undang-undang syariah memandangkan tiadanya undang-undang khusus *muamalat* Islam di Malaysia. Prinsip-prinsip syariah yang diaplikasikan di dalam operasi perbankan Islam ialah seperti *Uqud Al-Mua'wadhat (Jual beli), Attabarua't (*Derma*), Uqud Isytirak* (Perkongsian) seperti *mudharabah (*perkongsian untung*), musyarakah (*perkongsian untung dan rugi*)* dan *muzaraa' (*perladangan*), Uqud Tawsiqat* (Jaminan) seperti *Kafalah, Rahnu* dan *Hawalah, Uqud Itlaqat* (Umum) atau *a'mal Insan* seperti *wakalah (agen), Uqud Taqyiydat* (Halangan) seperti *taflis (*muflis*), Uqud Isqatat* (Gugur hak) refers to *ibra' (rebat), muqasah (*set 0ff*)* dan *Uqud Hifz* (Deposit) seperti *wadiah* (simpanan*).*

Manakala undang-undang sivil memperuntukkan dengan jelas peruntukan undang-undang yang berkaitan seperti Akta Kontrak 1950, Akta Jualan Barangan 1957, Kanun Tanah Negara 1965, Akta Syarikat 1965, Akta Sewa Beli 1967, Akta Suruhanjaya Syarikat 1993, Akta Duti Setem 1959, Akta Pencegahan Wang Haram 2001 dan juga Undang-undang Prosedur di Mahkamah. Undang-undang inilah yang diharmonisasikan bagi memastikan kelicinan pembangunan perbankan Islam di Malaysia. Ini adalah kerana ciri-ciri dan sifat-sifat undang-undang syariah dan sivil berupaya untuk diintegrasikan melainkan hanya sedikit sahaja yang bertentangan di antara satu sama lain.

Contoh aplikasi pengharmonisasian undang-undang sivil dan Syariah dapat dilihat dengan jelas di dalam produk pembiayaan perumahan *Bai' al-Bithaman Ajil*. Undang-undang syariah mensyaratkan rukun jual beli yang wajib dipatuhi dan aset yang dibenarkan oleh hukum syara' berlandaskan konsep jual beli dengan bayaran ansuran.

Hak jual beli seperti *khiyar majlis dan khiyar aib* perlu diberikan kepada pelanggan yang ingin mendapat pembiayaan. Dalam pada masa yang sama institusi perbankan Islam perlu mematuhi undang-undang sivil seperti Akta Kontrak 1950, Akta Duti Setem 1959, Kanun Tanah Negara 1967, Akta Syarikat 1965 termasuk undang-undang prosedur di Mahkamah.

Pendekatan harmonisasi ini memberi jaminan kepada perkembangan dan peningkatan industri perbankan Islam. Melalui kaedah ini undang-undang baru tidak perlu digubal di Parlimen dan undang-undang sedia ada dapat dieksploitasikan semaksima mungkin. Kesannya, menurut perangkaan, industri perbankan Islam berkembang pesat dan hingga kini pasaran perbankan Islam global bernilai AS$270 bilion (RM1,026 bilion)[4] dan Malaysia adalah di antara penyumbang yang besar terhadap angka ini. Malaysia dijangka akan terus mengungguli operasi perbankan Islam di dunia yang merangkumi sektor pembiayaan perbankan dan pasaran modal Islam.

Kaedah harmonisasi ini juga dapat memberi keyakinan kepada pasaran yang lebih terbuka disertai oleh semua lapisan masyarakat berlainan bangsa dan agama. Statistik menunjukkan keyakinan masyarakat Cina dan India yang begitu ghairah mendapatkan pembiayaan perbankan daripada institusi perbankan Islam di Malaysia. Kemasukan beberapa bank Islam asing yang sungguh berminat untuk beroperasi di Malaysia juga membuktikan betapa Malaysia memiliki infrastruktur undang-undang yang kukuh dan berkesan bagi mengawal semua operasi perbankan. Kemantapan struktur undang-undang dan perlaksanaannya di Malaysia adalah hasil daripada integrasi yang dilakukan pada undang-undang syariah dan sivil.

Merujuk pula dari aspek bidang kuasa mahkamah mengenai kes-kes yang melibatkan hal ehwal perbankan Islam Perlembagaan Persekutuan meletakkan kes-kes ini di bawah bidang kuasa mahkamah sivil[5]. Ini memandangkan bahawa urusan kontrak, perniagaan dan perbankan adalah terletak di bawah senarai persekutuan[6]. Sekiranya perlaksanaan operasi perbankan Islam dibuat hanya berdasarkan undang-undang Islam tanpa menggunapakai undang-undang sivil, sudah tentu berlakunya kecelaruan

[4] *Ibid*

[5] Mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa terhadap orang Islam dan institusi perbankan tidak termasuk di bawah bidang kuasanya. Lihat Jadual 9 Senarai 2 Perlembagaan Persekutuan.

[6] Jadual 9 Senarai 1 Perlembagaan Persekutuan.

di mahkamah sivil untuk menangani dan membicarakan kes-kes *muamalat* Islam. Dengan itu, keperluan kepada pengharmonisasian dua sistem undang-undang ini di Malaysia amat jelas bagi memastikan operasi perbankan Islam berjalan dengan lancar.

Sebagai ilustrasi dirujuk kepada perangkaan "non-performing financing (NPF)" atau pembiayaan tidak berbayar yang dihadapi oleh setiap institusi perbankan Islam di Malaysia. Institusi-institusi ini akan cuba mendapatkan kembali wang pembiayaan menerusi prosedur undang-undang di mahkamah sivil. Semua prosedur yang perlu dipatuhi adalah menurut peruntukan undang-undang sivil seperti Peraturan Mahkamah Tinggi 1980, Peraturan Mahkamah Rendah 1980, Peraturan Mahkamah Persekutuan 1995, Akta Bankrupsi 1967, Akta Syarikat 1965 dan sebagainya. Undang-undang substantif dan prosedur ini membantu proses tindakan undang-undang terhadap mereka yang ingkar untuk membayar kemudahan pembiayaan mereka. Peruntukan undang-undang sivil yang tidak bertentangan dengan prinsip syariah digunapakai manakala aspek yang berlawanan dengan syariah diubahsuai atau digantikan dengan peruntukan undang-undang yang dibenarkan oleh hukum syarak[7]. Misalnya perkataan faedah atau "interest" di dalam borang yang terdapat di dalam Kanun Tanah Negara 1965 digantikan dengan terma keuntungan atau "profit".

Tindakan di Mahkamah dengan menggunakan undang-undang sivil bagi kes-kes berkaitan perbankan Islam dapat memastikan kelicinan proses mendapatkan semula pembiayaan bermasalah dan seterusnya dapat mengembalikan kestabilan keseluruhan prestasi institusi perbankan Islam. Kes *Dato' Haji Nik Mahmud lwn BIMB*[8] misalnya membolehkan BIMB mendapatkan semula wang pembiayaan yang diberikan kepada Plaintif. Kes ini menjadi titik tolak keyakinan institusi perbankan untuk menjalankan operasi perbankan Islam kerana wujudnya infrastruktur undang-undang yang komperehensif. Kes terbaru yang diputuskan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di antara *Affin Bank Berhad lwn Zulkifli Abdullah* [9] juga membuktikan keberkesanan

---

[7] Ahmad Ibrahim. *Legal Framework Of Islamic Banking in Malaysia.* Jurnal Undang-undang IKIM, vol.1 (1) Hlm 1.

[8] [1996] 1 CLJ 576. Dalam kes ini hakim memutuskan bahawa jual beli yang ditandatangani berdasarkan konsep *Bai' al-Bithaman Ajil* adalah sah walaupun ia melibatkan tanah rezab Melayu dan Plaintif diarahkan untuk membayar kemudahan pembiayaan yang diterima. Lihat juga kes *Tinta Press lwn BIMB* [1986] 1 MLJ dan *BIMB lwn Adnan Omar* [1994] 3 CLJ.

[9] (2006) 1 CLJ 447. Dalam kes ini Affin Bank telah menyaman Zulkifli Abdullah kerana gagal membayar pembiayaan bagi rumah dua tingkat melalui perjanjian yang dimeterai pada Disember 1997.

perlaksanaan undang-undang perbankan Islam di Malaysia. Dalam kes ini, Hakim Datuk Abdul Wahab Patail memerintahkan rumah yang dibeli melalui konsep *Bai' Bithaman Ajil* dilelong di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara untuk mendapatkan kembali pembiayaan berjumlah RM582, 000.

Keperluan untuk mewujudkan undang-undang prosedur Islam yang berlandaskan prinsip syariah seperti Kanun Tanah Islam Negara atau Akta Kontrak Islam tidak menjadi isu memandangkan undang-undang sivil sedia ada adalah bertepatan dengan undang-undang syariah. Hanya sekiranya terdapat keperluan yang mendesak untuk menggubal akta baru undang-undang Islam, barulah sesuatu undang-undang itu digubal dan dikuatkuasakan. Ketika ini pihak berkuasa masih dalam proses penggubalan Akta Sewa Beli Islam memandangkan sewa beli dalam Islam adalah lebih luas skopnya berbanding dengan sewa beli yang diperuntukkan di dalam Akta Sewa Beli 1950.

Malaysia meletakkan urusan perbankan Islam di bawah bidang kuasa persekutuan walaupun prinsip *muamalat* termasuk di bawah undang-undang syariah dan ianya terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Perkembangan sistem perbankan Islam yang boleh dianggap masih baru ini perlu mendapat sokongan dan bantuan daripada kerajaan pusat. Kerajaan negeri tidak mempunyai sumber yang mencukupi dan memiliki bidang kuasa yang amat terhad iaitu hal ehwal agama, adat dan tanah. Dengan sumber ekonomi yang kukuh dan bidang kuasa yang lebih luas dimiliki oleh kerajaan pusat dapat memastikan perkembangan industri secara lebih berkesan.

Memandangkan urusan perbankan Islam terletak di dalam senarai persekutuan lahirlah Akta Bank Islam 1983 yang diluluskan oleh parlimen dan berkuatkuasa di seluruh Malaysia. Kerajaan persekutuan dengan kuasa yang ada telah memberikan tempoh selama 10 tahun kepada Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) untuk beroperasi sebagai satu-satunya bank Islam yang terdapat di negara ini. Hanya pada tahun 1993 Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan skim perbankan tanpa faedah (kini dikenali sebagai skim perbankan Islam) di mana bank konvensional dibenarkan untuk menjalankan urusan perniagaan Islam. Perlaksanaan ini dapat

dilakukan apabila kerajaan membuat keputusan untuk meletakkan urusan perbankan Islam di bawah bidang kuasa persekutuan seperti yang diperuntukkan di dalam Jadual 9 Senarai 1 Perlembagaan Persekutuan.

Pendekatan harmonisasi undang-undang syariah dan sivil memerlukan pemantauan dan pengawalan. Dengan itulah terdapatnya peruntukan undang-undang berdasarkan seksyen 3 (5) (b) Akta Bank Islam 1983, seksyen 124 (7) Akta Bank dan Institusi Perbankan 1989 dan seksyen 16B Akta Bank Negara (Pindaan) 2003 yang mensyaratkan penubuhan Majlis Penasihat Syariah (MPS) di setiap institusi perbankan Islam. MPS bertanggungjawab untuk menasihati institusi perbankan Islam mengenai hal ehwal syariah dan juga untuk memastikan bank-bank menepati rukun-rukun dan syarat-syarat Syariah di dalam operasi mereka termasuk perniagaan perbankan Islam, perniagaan perbankan Islam, perniagaan pembangunan perbankan Islam dan lain-lain perniagaan yang berteraskan prinsip-prinsip Syariah. MPS boleh dianggap sebagai institusi fatwa moden yang memainkan peranan begitu penting terhadap institusi perbankan Islam. Resolusi atau keputusan MPS bakal menentukan kesahihan dan keIslaman sesuatu produk, dokumen-dokumen dan operasi perbankan Islam. Mahkamah yang membicarakan kes-kes yang melibatkan isu-isu perbankan Islam boleh merujuk kepada MPS untuk mendapatkan pandangan terutamanya yang berkaitan dengan hukum syara'.

Selain daripada itu, bagi maksud menyediakan satu garis panduan yang efektif dari aspek Pengurusan Risiko, *Islamic Financial Services Board* (IFSB) yang ditubuhkan pada 2002 telah memperkenalkan dua garis panduan yang perlu dipatuhi oleh institusi perbankan Islam iaitu "*The Standards for Capital Adequacy*" dan juga "*The Guiding Principles for Risk Management for Islamic financial institutions*" di bawah seliaan Bank Negara Malaysia[10]. Garis panduan yang mengikut spesifikasi antarabangsa ini akan membantu institusi perbankan Islam bagi memperkemaskan lagi amalan system perbankan di samping dapat menguruskan risiko dengan lebih berkesan.

[10] Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz. *Ucapan Gabenor Bank Negara Malaysia semasa "The Second International Conference on Islamic Banking: Risk Management, Regulation and Supervision- "Building a Robust Islamic Financial System*" di LeMeridien Hotel, Kuala Lumpur pada 7 Februari 2006.

Kemudahan infrastruktur undang-undang yang lengkap dan menyeluruh di dalam sektor berkaitan merupakan faktor penting kepada perkembangan positif industri perbankan Islam di Malaysia. Akta Bank Islam 1983 dan Akta Bank dan Institusi Perbankan 1989 merupakan akta yang membolehkan operasi perbankan Islam dijalankan di Malaysia. Dengan kedua-dua akta ini institusi perbankan di Malaysia sama ada bank Islam atau bank konvensional yang menjalankan operasi skim perbankan Islam boleh menawarkan produk-produk Islam dengan syarat mendapat kelulusan daripada Bank Negara Malaysia.

2.3 Sokongan Sektor Sekuriti dan Pasaran Modal

Industri perbankan Islam tidak akan berkembang sekiranya ianya hanya bergantung kepada sektor pembiayaan ekuiti atau pembiayaan hutang semata-mata. Sokongan daripada sektor lain seperti pasaran modal amat diperlukan bagi menjana pertumbuhan ekonomi umpamanya dengan penerbitan sekuriti hutang swasta yang bernilai billion ringgit bagi tujuan pembangunan. Proses penerbitan sekuriti hutang swasta ini memerlukan pemantauan dan pengawalan dari sudut undang-undang bagi mengelakkan penipuan dan kegagalan sesuatu projek yang dirancangkan.

Di dalam sektor permodalan Islam, Malaysia mempunyai 89 Dana Unit Amanah Islam, 85 peratus kaunter di Bursa Malaysia adalah kaunter yang telah diluluskan oleh penasihat Syariah dan 46 peratus pasaran bon korporat adalah bon berlandaskan prinsip Islam seperti *Murabahah underwritten Notes Issuance Facility*, *Bai Bithaman Ajil Islamic Debt Securities* dan *Sukuk Ijarah*. Malahan Malaysia merupakan Negara pertama di dunia memperkenalkan bon asing global berteraskan prinsip Islam[11].

Bagi memperkemaskan lagi sektor ini, beberapa undang-undang berkaitan telah diperkenalkan yang diantaranya menggariskan peraturan-peraturan berkaitan seperti Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, Akta Industri Sekuriti 1983, Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 termasuk Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia seperti Garis Panduan Terbitan Hutang Swasta. Bukan itu sahaja

[11] n.a. 2002. *Sektor Perbankan Dijangka Kekal Stabil*. 1 Januari. Utusan Malaysia.

Suruhanjaya Sekuriti ditubuhkan dan Bank Negara Malaysia diberi peranan yang lebih bagi memantau operasi institusi perbankan Islam.

Misalnya isu Hong Leong Bank Berhad yang menyenaraikan syarikat tempatan yang diurus dengan baik dan mencatat keuntungan yang tinggi di dalam senarai saham yang tidak layak mendapat pembiayaan margin dan angka senarai ini menjangkau hingga 454 instrumen yang didagangkan di Bursa Malaysia[12]. Tindakan ini memberi kesan buruk kepada pasaran saham di Malaysia apabila terdapat dakwaan sekatan pembiayaan margin oleh institusi perbankan di Malaysia[13]. Di dalam isu ini BNM mempunyai kuasa dari segi undang-undang untuk memberikan arahan tertentu atau mengambil tindakan terhadap institusi berkenaan bagi kebaikan ekonomi negara. Kebebasan bergiat aktif di dalam sektor ekonomi ini perlu dipantau oleh infrastruktur undang-undang bagi mengelakkan ketidakstabilan ekonomi yang disebabkan oleh pihak-pihak tertentu.

2.4 Polisi Perbankan dan Pembangunan Sumber Manusia

Selain daripada itu, pendekatan berhati-hati Malaysia menerima kemasukan bank-bank asing juga merupakan faktor sampingan untuk memastikan perkembangan industri perbankan Islam diterajui oleh institusi perbankan tempatan. Undang-undang yang komperehensif dan dan syarat-syarat yang ketat untuk mendapat lesen operasi oleh bank-bank asing membantu untuk mengekalkan persaingan yang adil dan seimbang di antara bank tempatan dan asing. Sekira tiadanya undang-undang yang mampu mengawal kemasukan bank-bank asing ini, sudah pasti bank-bank tempatan tidak akan mampu untuk bersaing memandangkan kekukuhan bank-bank asing dari segi sumber perbankan, kepakaran dan pengalaman mereka di dalam pasaran di seluruh dunia. Namun begitu undang-undang yang terlalu ketat dan tidak terbuka kepada bank asing perlu juga diberi kelonggaran pada sesuatu masa berdasarkan faktor globalisasi ekonomi dunia.

---

[12] t.n. 8 Jun 2005. *Saham: PM arah BNM dapatkan penjelasan Hong Leong Bank*. Utusan Malaysia. Hlm. 1.

[13] Namun demikian penjelasan Hong Leong Bank Berhad semasa sidang media bahawa mereka tidak akan menarik balik pembiayaan margin pembelian saham sewenang-wenangnya telah menunjukkan pemulihan di Bursa Malaysia.

Dari sudut pembangunan modal insan di dalam sektor perbankan Islam pula, Malaysia telah merintis jalan dengan langkah menubuhkan Pusat Pendidikan Perbankan Islam Antarabangsa atau "*International Centre for Education in Islamic Finance*" (INCEIF) dengan berbekalkan peruntukan sebanyak RM500 juta. Matlamat penubuhan INCEIF ini adalah untuk melahirkan pengamal perbankan Islam yang professional, berkaliber dan juga mahir di dalam setiap disiplin perbankan Islam. Bagi tujuan itu, INCEIF akan menawarkan pelbagai peluang penyelidikan, latihan dan juga kerjasama serantau dari aspek ekonomi, undang-undang, syariah dan sebagainya untuk membangunkan sektor perbankan Islam[14].

Berdasarkan pendekatan-pendekatan yang telah dilaksanakan di atas, fakta menunjukkan bahawa Malaysia amat serius dan bersungguh-sungguh untuk memartabatkan ekonomi umat Islam dan dalam masa yang sama untuk membangunkan sistem perbankan Islam yang mampu menjadi alternatif kepada sistem konvensional sedia ada. Pendekatan ini merangkumi semua aspek terpenting dalam melaksanakan sistem perbankan Islam sama ada dari sudut undang-undang dan juga pembangunan modal insan.

4.0 KESIMPULAN.

Perlaksanaan sistem perbankan Islam di Malaysia telah dibuktikan berjaya melalui beberapa pendekatan yang merangkumi sistem dwi perbankan, ruanglingkup undang-undang yang komperehensif, sokongan sektor pasaran modal dan sekuriti dan pemantauan serta polisi perbankan dan sumber manusia. Pendekatan yang dilaksanakan secara bersepadu ini membolehkan perlaksanaan sistem perbankan Islam berjalan dengan lancar dan berkembang pesat bukan sahaja di arena tempatan malahan antarabangsa.

[14] Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz. *Ucapan Gabenor Bank Negara Malaysia semasa melancarkan* "*The International Centre For Education In Islamic Finance*" (INCEIF) di Mandarin Oriental Kuala Lumpur pada 23 Mac 2006.

Dari aspek keberkesanan perlaksanaan sistem perbankan Islam pula, secara umumnya kita dapat melihat perkembangan positif sama ada dari sudut peratusan aset perbankan Islam mahu pun pertambahan produk-produk perbankan berdasarkan pelbagai konsep yang diterima oleh rakyat tempatan dan masyarakat antarabangsa.

Walaupun dengan pencapaian perlaksanaan sistem perbankan Islam ini, namun sehingga kini hasrat untuk memartabatkan ekonomi umat Islam khususnya di Malaysia masih belum dapat dicapai sepenuhnya. Hingga kini masih terdapat perbezaan ekonomi yang ketara antara penduduk bandar dan luar bandar, perbezaan pemilikan kekayaan negara antara kaum masih jelas dan penguasaan harta masih berada ditangan kelompok kecil tertentu. Sebagai contoh matlamat Dasar Ekonomi Baru yang mensasarkan penguasaan 30 peratues ekonomi bumiputera masih belum dicapai walaupun dasar ini telah dilaksanakan sejak tahun 1970 lagi. Sehubungan dengan itu, perlaksanaan sistem perbankan Islam ini perlu dipergiatkan lagi secara berterusan, berhikmah dan bersifat global.

RUJUKAN

Affin Bank lwn Zulkifli Abdullah (2006) 1 CLJ 447

Ahmad Ibrahim. *Legal Framework Of Islamic Banking in Malaysia. Jurnal Undang-undang* IKIM. Vol.1 (1).

Bank Islam Malaysia Berhad lwn Adnan Omar [1994] 3 CLJ.

Dato' Haji Nik Mahmud lwn Bank Islam Malaysia Berhad [1996] 1 CLJ 576.

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz. *Ucapan Gabenor Bank Negara Malaysia semasa melancarkan "The International Centre For Education In Islamic Finance" (INCEIF)* di Mandarin Oriental Kuala Lumpur pada 23 Mac 2006.

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz. *Ucapan Gabenor Bank Negara Malaysia semasa "The Second International Conference on Islamic Banking: Risk Management, Regulation and Supervision- "Building a Robust Islamic Financial System"* di LeMeridien Hotel, Kuala Lumpur pada 7 Februari 2006.

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz. *Ucapan Gabenor Bank Negara Malaysia semasa pelancaran AmIslamic Bank Berhad* di Menara AmBank, Kuala Lumpur pada 18 Mei 2006.

Tinta Press lwn Bank Islam Malaysia Berhad [1986] 1 MLJ

t.n. 15 Oktober 2004. *Al Rajhi, Qatar-led group get Islamic banking licenses*. New Straits Times. Hlm B1.

t.n. 13 Jun 2005. *Perbankan Islam Alternatif Berdaya Maju*. Utusan Malaysia. Hlm 4.

t.n. 8 Jun 2005. *Saham: PM arah BNM dapatkan penjelasan Hong Leong Bank*. Utusan Malaysia. Hlm 1.

12 Januari 2007. http://www.zakat.com.my.

13 Januari 2007. http://www.bankislam.com.my.

AKTA

Akta Bank Islam 1983.

Akta Bank dan Institusi Perbankan 1989.

Akta Duti Setem 1959.

Akta Kontrak 1950.

Akta Jualan Barangan 1957.

Akta Sewa Beli 1967.

Akta Syarikat 1965.